



## KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	UTUSAN MALAYSIA			
TARIKH	:	2/4/2019	MUKA SURAT	:	47
JABATAN	:	IWK			
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>			



**PENDUDUK Flat Taman Megah, Kepong terpaksa menghidu bau busuk setiap hari ekoran saluran paip pembetungan perumahan itu pecah. - UTUSAN/ROHAIDA ZULKIFLI**

## IWK bantu selenggara masalah pembetungan

**KUALALUMPUR 1 April** - Masalah berkaitan sistem pembetungan di Taman Megah, Kepong di sini baru-baru ini memaksa Indah Water Konsortium (IWK) Sdn. Bhd. melakukan dua pemeriksaan sejak 22 Mac lalu bagi mengenal pasti punca sebenar.

IWK dalam kenyataan di sini berkata, meskipun sistem pembetungan di kawasan itu milik persendirian di bawah tanggungjawab Badan Pengurusan Bersama (IMB), pihaknya tampil membantu dengan membuat pemeriksaan selepas menerima aduan penduduk.

Katanya, IWK menggunakan peralatan kamera untuk mengeluarkan beberapa objek yang tersumbat di dalam saluran paip.

"Bagaimanapun setelah objek dikeluarkan, paip tersebut kembali tersumbat akibat kerosakan struktur pada paip pembetungan persendirian berkenaan.

"IWK terpaksa melakukan kerja-kerja menyedut kumbahan yang terkeluar di jalan berdekatan namun jika masalah

utama tidak dibetulkan usaha itu akan menjadi langkah penyelesaian sementara sahaja.

"Pemeriksaan kedua melalui kamera menunjukkan punca sebenar kerosakan iaitu pemasangan kabel-kabel asing oleh pihak tertentu yang menjejaskan paip pembetungan tersebut," katanya.

Kenyataan itu bagi mengulas mengenai aduan penduduk yang mendakwa terpaksa menghidu bau busuk najis ekoran paip pembetungan perumahan itu pecah sejak seminggu lalu.

Menurut kenyataan itu lagi, bagi membantu penduduk, IWK menyerahkan hasil siasatan kamera litar tertutup tersebut yang lengkap dengan lokasi sebenar kerosakan kepada pengu-rusan bangunan untuk tindakan lanjut.

"IWK ingin menasihatkan pengguna agar tidak membuang sampah atau sisa minyak masak ke dalam singki atau mangkuk tandas bagi mengelakkan kejadian seumpama itu berlaku," tambah kenyataan itu.